

25 MAR 1999
Moggie-Telekom
KAKITANGAN JTM DIBERI PILIHAN

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Semua kakitangan Jabatan Telekom Malaysia (JTM) akan ditawarkan pilihan sama ada mahu berkhidmat terus dengan kerajaan atau sebaliknya berikutan tamatnya operasi jabatan itu 1 April ini.

Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia Datuk Leo Moggie berkata pembubaran jabatan itu adalah berikutan penguatkuasaan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 mulai tarikh itu.

"Kerajaan telah memutuskan bahawa semua anggota JTM yang terlibat diberikan tawaran atau pilihan sama ada untuk terus berkhidmat dengan kerajaan, dengan mengisi kekosongan yang sedia ada di agensi kerajaan yang lain atau disarakan di bawah Seksyen 10(5) (b) Akta Pencen -- Persaraan disebabkan penghapusan jawatan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Moggie berkata pembubaran JTM secara rasminya ialah pada 1 April dan fungsi-fungsi kawalselia yang dijalankan jabatan itu akan dipindahkan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

"Daripada seramai 188 kakitangan JTM yang terlibat hanya 144 penyandang di bawah Skim Perkhidmatan Tertutup JTM yang akan terlibat dengan tawaran tukar lantikan atau tukar perkhidmatan," katanya.

Baki 44 orang terletak di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama yang akan diuruskan penempatan mereka secara pertukaran biasa oleh Ketua Perkhidmatan jawatan masing-masing.

Moggie berkata tawaran tukar lantikan atau tukar perkhidmatan adalah kepada jawatan yang setaraf dari segi kelayakan, bidang tugas dan penempatan mereka sekarang.

"Tawaran itu adalah berdasarkan kepada prinsip 'no less favourable' (tiada kerugian) berbanding tangga gaji kakitangan terbabit yang diterima pada masa ini," katanya.

Moggie berkata memandangkan urusan tukaran itu mengambil masa maka telah diputuskan supaya jawatan-jawatan yang terlibat diletakkan di bawah kementerianannya sehingga 30 Jun 1999.

"Ini bertujuan untuk memberi mereka masa yang mencukupi untuk membuat pilihan," katanya.

Jabatan Perkhidmatan Awam juga sedang mengenal pasti jawatan-jawatan kosong yang sesuai ditawarkan kepada kakitangan JTM dan tawaran itu dijangka dibuat pada April ini, katanya.

Moggie berkata suruhanjaya itu akan memulakan tugasnya seperti yang dijadualkan apabila Akta Telekomunikasi 1950 dan Akta Penyiaran 1981 digantikan dengan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Penubuhan suruhanjaya itu telah diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Oktober lepas. Ia akan menjadi badan pengawas tunggal berhubung kegiatan komunikasi dan multimedia di negara ini.

-- BERNAMA
MS NMO